

10/04/2003

Nafi sembunyi masalah SJKT

KUALA LUMPUR: MIC menyangkal dakwaan kononnya parti itu menyembunyikan masalah yang dihadapi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Sambil menyifatkan dakwaan itu tidak berasas, Setiausaha Agung MIC, S Sothinathan, berkata parti itu menerusi Yayasan Strategik Sosial (YSS) sentiasa menitikberatkan kebajikan masyarakat India termasuk dalam bidang pendidikan.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas mengenai kemungkinan SJKT ditutup kerana masalah kekurangan pelajar serta kemudahan.

Kelmarin, Kayveas berkata, beliau juga bercadang menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyarankan agar mata pelajaran Bahasa Tamil diperkenalkan di Sekolah Kebangsaan (SK).

Sothinathan yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, ketika dihubungi semalam berharap isu itu tidak dibincangkan lagi dan dihentikan secepat mungkin.